



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

النشرة
AL-NASHRAH

AL-NASHRAH

Vol 3, No 1.
Rabi'ulakhir - Rejab 1438H / January - March 2017

Quarterly UNISSA Newsletter



Penubuhan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
2007 - 2017



TITAH

"Sebenarnya masih banyak ruang yang perlu diteroka oleh UNISSA. Salah satu ialah bidang yang berkembang pesat sehingga ke peringkat antarabangsa pada masa ini iaitu industri halal. Bukankah aspek halal itu merupakan tuntutan utama dalam ugama Islam?"

Nilai pasaran global adalah semakin meningkat dan dianggarkan berjumlah sangat besar. Ia meningkat sebanyak 16% dari keseluruhan industri makanan dunia dan boleh menjangkau sehingga 20% dari perdagangan dunia dalam produk makanan sahaja.

Oleh sebab itu, Beta menyokong penuh rancangan UNISSA untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Halal di UNISSA sebagai pemangkin kepada hasrat Beta untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'hub halal global' yang akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara."

Titah Sempena Majlis Hafiz Al-Takharruj ke-6 2016 UNISSA pada hari Sabtu, 20 Muharram 1438 / 22 Oktober 2016



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pendidikan (kiri) memberi ucapan semasa Majlis Kesyukuran Penubuhan UNISSA ke-10 tahun.

UNISSA Sambut Ulang Tahun Ke-10

"Ke arah itu, UNISSA menetapkan visinya untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah".

tahun-tahun akan datang dengan pengembangan program akademik yang lebih dinamik, relevan dan fleksibel yang akan ditawarkan UNISSA pada masa akan datang.

Bermula dengan kemasukan pelajar seramai 107 pada tahun pertama penubuhannya, kini pelajar UNISSA mencecah keramaian 889 orang pelajar dalam pelbagai peringkat program pengajian sama ada sijil diploma, ijazah sarjana muda mahupun peringkat ijazah pasca sarjana yang menyaksikan purata peningkatan kemasukan pelajar baru setiap tahun sebanyak 17 peratus.

Jelas beliau, perkembangan ini dipacu lagi atas kesedaran yang tinggi dari kalangan para belia dewasa ini untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Peningkatan ini, jelasnya, dijangka berterusan pada

Ketika ini, ujar beliau lagi, UNISSA menawarkan sebanyak 30 program akademik dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian dan menjelang 2025 akan lebih banyak lagi program akademik akan ditawarkan.

Sila lihat Halaman 2



Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun yang ke-10 UNISSA telah diadakan di Auditorium, UNISSA.

Inside this Issue:

Unissa Sambut Ulang Tahun ke-10	1-2
Persidangan Luar Negara	3
Lawatan dari luar ke UNISSA	4-8
Kunjungan dan Seminar Luar Negara	9
Kuliah Khas MIB	10-11
Bengkel	12
Forum	13
UNISSA Activities	14-19
MoU between UNISSA and other universities	20-21
Aktiviti Sukan dan Riadah	22-24

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-10 tahun dengan Majlis Kesyukuran yang berlangsung pada 14 Rabiulakhir 1438H bersamaan 12 Januari 2017M di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan Surah Yasin beramai-ramai dan diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji

Norfan bin Haji Zainal yang telah menyentuh mengenai beberapa perkembangan sepanjang satu dekad penubuhan UNISSA.

Menurutnya, UNISSA telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007M atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena titah perutusan Awal Tahun Masihi 2007M dengan harapan yang murni iaitu untuk menjadikan UNISSA sebagai sebuah pusat ilmu Islam tulen yang melahirkan para ulama dan cendekiawan berwibawa dan mampu memenuhi aspirasi negara.

Dari halaman 1

“Insyallah, UNISSA terus beriltizam untuk meningkatkan kualiti akademiknya dan bersedia menawarkan program-program akademik merentasi disiplin dalam usaha membantu kerajaan melahirkan generasi beragama dan progresif dengan menyediakan program akademik yang lebih fleksibel, dinamik dan *marketable* berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara,” tambahnya.

Menurut beliau lagi, sebagaimana kemajuan yang diraih dalam aspek akademik, UNISSA juga sangat komited untuk mengembangkan fakulti dan pusat kecemerlangan akademiknya sesuai dengan

keperluan dan tuntutan semasa. UNISSA bermula hanya dengan empat buah fakulti dan tiga buah pusat pada tahun 2007, kini UNISSA mempunyai lima buah fakulti dan perkembangan UNISSA juga membawa kepada penubuhan tujuh unit pengurusan akademik dan pentadbiran.

“Sejajar dengan tuntutan dan keperluan semasa, UNISSA beriltizam untuk mengorak langkah mengembangkan lagi fakulti dan pusat kecemerlangan akademiknya pada masa akan datang.

“Seperkara yang menarik dalam perkembangan UNISSA ialah dengan wujudnya sebuah pusat

kecemerlangan penyelidikannya yang unggul dan relevan dengan keperluan semasa negara iaitu Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi’i (PPMS),” tambah beliau.

Dari segi keramaian graduan yang telah dihasilkan sehingga kini, beliau berkata, UNISSA telah melahirkan seramai 908 graduan yang mana sebahagian mereka telah berkhidmat di sektor kerajaan dan swasta, manakala selebihnya sedang melanjutkan pengajian dan mencari pekerjaan.

Beliau juga menjelaskan bahawa UNISSA juga terus berusaha untuk memainkan peranannya dan mengukuhkan hubungannya dengan

universiti-universiti lain di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sejak kehadiran UNISSA dalam dunia pengajian tinggi Islam di rantau ini, UNISSA mula menjadi pilihan alternatif bagi serantau dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian Islam mereka ke peringkat lebih tinggi, di mana 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar UNISSA terdiri daripada pelajar antarabangsa.

Sehingga kini, tambahnya, UNISSA telah menjadi pusat pengajian bagi 162 orang pelajar antarabangsa dari 32 buah negara yang mengikuti pengajian mereka dalam pelbagai peringkat.

Penyampaian Anugerah 10 Staf Cemerlang UNISSA

Majlis kesyukuran ulangtahun penubuhan ke-10 tahun Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 14 Rabiulakhir 1438H bersamaan 12 Januari 2017M turut menyaksikan penyampaian anugerah kepada 10 orang staf cemerlang UNISSA.

Penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pendidikan.



Penerima Anugerah Cemerlang: (Dari atas kiri) Haji Mohamad Samari bin Haji Mohamad Noh, Ustaz Md Sahrin bin Haji Masri, Profesor Dr Mahayuddin bin Haji Yahaia, Dr Abd Nasir bin Haji Abd Rani, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu, Dr Hj Sarinah binti Haji Yahya, Ustazah Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Abd Rajid, Hajah Hanita binti Haji Abu Bakar dan Norati binti Haji Basman bergambar ramai bersama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pendidikan (empat dari kiri), Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Pendidikan (tiga dari kanan), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA (tiga dari kiri) serta Pegawai-Pegawai Utama Menteri Pendidikan dan UNISSA.

a) Kategori Anugerah Kecemerlangan Pengajaran

- i) Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu
- ii) Dr Hj Sarinah binti Haji Yahya

b) Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (Senior Career)

- i) Profesor Dr Mahayuddin bin Haji Yahaia
- ii) Dr Siti Sara binti Haji Ahmad

c) Kategori Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (Junior Career)

- i) Ustaz Md Sahrin bin Haji Masri

- ii) Ustazah Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Abd Rajid

d) Kategori Anugerah Kecemerlangan Pentadbiran

Bahagian Kakitangan Am

- i) Hajah Hanita binti Haji Abu Bakar
- ii) Norati binti Haji Basman

Bahagian Pengurusan dan Profesional Bahagian I dan II

- i) Dr Abd Nasir bin Haji Abd Rani
- ii) Haji Mohamad Samari bin Haji Mohamad Noh

Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab Asia Tenggara

Buat julung-julung kalinya, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bekerjasama menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab Asia Tenggara selama dua hari.

Persidangan tersebut diadakan bertujuan bagi merancang dan merangka masa depan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Asia Tenggara. Persidangan diadakan pada 4 Jamadilawal 1438H bersamaan 1 Februari 2017M. Hari pertama persidangan telah diadakan di KUPU SB sementara persidangan hari kedua iaitu 5 Jamadilawal 1438H bersamaan 2 Februari 2017M diadakan di UNISSA.

Tetamu kehormat pada majlis pembukaan persidangan berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, manakala pada majlis penutup persidangan

tersebut pula ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yussof. Hadir sama pada majlis penutup berkenaan ialah Duta Besar dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Sheikh Ahmed bin Hashil Bin Rashid Al-Maskari, Rektor UNISSA, Pemangku Ra'ees KUPU SB dan para jemputan khas.

Persidangan ini melibatkan sebanyak 40 siri perbincangan akademik dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab merangkumi ucapnama, ceramah perdana, sesi perbincangan meja bulat dan 37 pembentangan kertas kerja, diantaranya 17 pembentang dari luar negara, iaitu Arab Saudi, Oman, Sudan, Malaysia, Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang bertemakan '*Al-Arabiyyah: Bahasa dan Tamadun Umat Islam*' ini telah dihadiri oleh kira-kira 250 orang peserta.



Sesi pembentangan yang telah disampaikan oleh Dr Siti Sara bin Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA.



Para tetamu kehormat yang hadir semasa Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab Asia Tenggara.

UNISSA Rector Attended 7th FUIW General Conference in Morocco



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal (far right), the Rector of UNISSA attended the 7th General Conference of the Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW) in Rabat, Morocco.

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), attended the 7th General Conference of the Universities of the Federation of the Islamic World (FUIW) on 16-17 Jamadilawal 1438 corresponding to 13-14 February 2017, held at the headquarter of the Islamic Educational, Scientific and Cultural Organisation (ISESCO) in Rabat, Morocco.

The organisation consists of 317 universities around the world and among the objectives of the FUIW is to raise the level of scientific research in all fields, exchange views, and meet the needs of developing Islamic civilisation.

FUIW also works to upgrade

and expand higher education to meet the needs of the Muslim community and benefit from new developments in science and technology in harmony with Islam.

The two-day conference was also attended by Dr Jamila El Moussalli, Acting Minister of Higher Education, Scientific Research and Executive Training of the Kingdom of Morocco; Professor Dr Suliman Aba Al-Khail, Rector of the Islamic University of Imam Muhammad Ibn Saud in Riyadh - Kingdom of Saudi Arabia as Chairman of the FUIW Executive Council; and Dr Abdul Aziz bin Othman Altwajiri, ISESCO Director General and Secretary General of FUIW as well as 171 representatives of universities around the world.

Ucapan Tahniah dan
Selamat Datang
kepada:



**Profesor Emeritus Dato
Dr Sayyid Muhammad Aqiel bin
Ali Al Mahdaly**
Penasihat Akademik UNISSA &
Profesor Kanan Fakulti Usuluddin
yang telah melapor diri pada 18
Rabiulakhir 1438 / 16 Januari 2017.



Prof. Madya Dr Nurdeng Deuraseh
Prensyarah Fakulti Syariah dan
Undang-Undang, UNISSA yang
telah melapor diri pada 11
Rabiulakhir 1438 / 9 Januari 2017.



Dr Hakimah binti Haji Yaacob
Penolong Kanan Profesor Fakulti
Syariah dan Undang-Undang,
UNISSA yang telah melapor diri
pada 23 Rabiulakhir 1438 / 21
Januari 2017.



Dr Shahrul Nizam bin Salahuddin
Penolong Profesor Fakulti
Ekonomi dan Kewangan Islam
yang telah melapor diri pada 11
Rabiulakhir 1438 bersamaan 9
Januari 2017

Lawatan STAIN Bengkalis Indonesia ke UNISSA



Bergambar ramai bersama delegasi STAIN Bengkalis, Riau ke UNISSA.



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector UNISSA
menyampaikan cenderahati kepada Yang Berbahagia
Professor Dr H. Samsul Nizar, Ketua STAIN.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan muhibbah daripada Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Bengkalis, Riau pada 7 Rabiulakhir 1438H bersamaan 5 Januari 2017M.

Dalam ucapan alu-aluannya, Rector UNISSA Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal menyatakan harapan lawatan ini yang akan menghasilkan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam sama-sama membangun umat Islam di rantau ini.

Ketua rombongan, Professor Dr H. Samsul Nizar, dalam ucapan balasnya menyatakan bahawa tujuan lawatan ini adalah bersempena dengan pelaksanaan program penguatan institusi STAIN dalam rangka perluasan dan pengembangan kerjasama antara institusi tinggi dalam dan luar Negara serta mengeratkan silaturrahim antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia. Majlis diakhiri dengan pertukaran cenderahati daripada kedua-dua institusi.

A Visit from Ambassador of Brunei Darussalam to the Sultanate of Oman to UNISSA



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA presented a gift to the Ambassador of Brunei to the Sultanate of Oman.

On 24 Jamadilawal 1438H corresponding to 21 February 2017M, the Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal received a visit from the Ambassador of Brunei Darussalam to the Sultanate of Oman, Haji Sulaini bin Haji Said.

His visit was to follow up on the development of UNISSA's relations with educational institutions in Oman.

At present, there are seven UNISSA students pursuing their studies in Oman. Four are studying at Sultan Qaboos University (SQU) under the study abroad programme, and three others are pursuing Intensive Arabic Language at the Sultan Qaboos College for Teaching Arabic Language to Non-Native Speakers (SQCA).

The ambassador and rector also discussed the initiative to expand relations between UNISSA and institutions of higher education in Oman, as well as explore opportunities for cooperation through the exchange of academic staff and students, the opportunity to undergo industrial training in Oman, intensive courses for local academic UNISSA staff and collaborative research opportunities and scientific publications.

Also present at the meeting were Deputy Rector, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Assistant Rector, Dr Arman bin Haji Asmad and key UNISSA officials.

UNISSA Received Palestine Ambassador



A group photo with the Ambassador of Palestine to Brunei Darussalam, Dr Anwar H Al-Agha.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) received non-resident Ambassador of Palestine to Brunei Darussalam, Dr Anwar H Al-Agha on 25 Jamadilawal 1438H corresponding to 22 February 2017M.

Dr Anwar mentioned his intention to expand cooperation between Palestine and Brunei, particularly in the field of education, through the exchange of students and academic staff, and also through seminars, conferences and study tours.

He expressed his desire to see more Palestinian students pursuing their studies at UNISSA, especially with the availability of scholarships offered by the Brunei Government for international students.

UNISSA Received a Visit from Kuwait Ambassador

The Ambassador of Kuwait to Brunei Darussalam expressed the prospect of strengthening his country's relation with Brunei Darussalam through research and education during a visit to Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on Tuesday, 22 Jamadilakhir 1438 corresponding to 21 March 2017.

During the visit, His Excellency Dr Fahad Mashary Al-Thafiri also expressed his desire to see cooperation with UNISSA in the form of student exchanges, seminars, conferences, joint research and publications. There are chances for UNISSA students studying at the University of Kuwait, especially with the scholarships offered by the Kuwaiti Government. It was also focused on providing UNISSA students the opportunity to study at the Kuwait university either through study abroad programmes or intensive Arabic Language studies.



A group photo of the Ambassador of Kuwait to Brunei Darussalam, Dr Fahad Mashary Al-Thafiri with Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector and senior officials of UNISSA.

Meanwhile, the Rector of UNISSA Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal welcomed the scheme and hoped that UNISSA students can benefit from the opportunity to gain experience in Kuwait.

Also present at the meeting were Deputy Rector Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Acting Assistant Rector Dr Siti Sara binti Haji Ahmad and senior officials of UNISSA.

Ucapan Tahniah dan Selamat Datang kepada:



Profesor Dr Abd Ghafar bin Ismail

Profesor Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA yang telah melapor diri pada 7 Jamadilakhir 1438 / 6 Mac 2017.



Dr Haji Ahmad@Ahmad Asri Lubis

Penolong Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, UNISSA yang telah melapor diri pada 14 Rabiulakhir 1438 / 12 Januari 2017.



Dr Achmad Yani

Penolong Profesor Fakulti Bahasa Arab, UNISSA yang telah melapor diri pada 13 Rabiulakhir 1438 / 11 Januari 2017.



Dr Ahamad Faosiy Ogunbado

Penolong Profesor Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam yang telah melapor diri pada 14 Jamadilawwal 1438 / 11 Februari 2017.



Dr Ahmad Masum

Penolong Kanan Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA yang telah melapor diri pada 3 Muharram 1438 / 4 Oktober 2016.



Gambar ramai bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian (empat kiri) dan penyampaian cenderamata oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA (tiga kanan).

Kunjungan Hormat Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke UNISSA

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian telah membuat kunjungan hormat ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 17 Jamadilakhir 1438H bersamaan 16 Mac 2017M. Kunjungan hormat tersebut telah dialu-alukan oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

Tujuan kunjungan hormat tersebut ialah bagi meninjau peluang-peluang kolaborasi dan kerjasama strategik antara UNISSA dan Institusi Pengajian Tinggi di China. Menurut Puan Yang Terutama, Kerajaan Republik Rakyat China membuka tawaran biasiswa kepada warga Negara Brunei Darussalam untuk melanjutkan pengajian di negara berkenaan. Ini merupakan satu platform ke arah adanya kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Dalam perbincangan tersebut juga, Rektor UNISSA menyuarakan hasrat untuk mengalu-alukan pelajar-pelajar muslim dari negara China untuk melanjutkan pengajian ke

Negara Brunei Darussalam. Pada ketika ini, UNISSA telah membukakan ruang bagi yang berminat dalam bidang ekonomi dengan mengikuti kursus di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam. Begitu juga, UNISSA baru saja menubuhkan fakulti baru iaitu Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam. Di samping itu, UNISSA sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan halal dalam usaha membantu Kerajaan Negara Brunei Darussalam merealisasikan wawasannya untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hub halal global.

Rektor UNISSA berharap semoga kunjungan Puan Yang Terutama ini menjadikan UNISSA dapat merentasi sempadan antara benua dalam mengembangkan reputasinya sebagai sebuah universiti Islam yang unggul di Asia Tenggara.

Turut hadir ialah Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor serta beberapa orang pegawai utama UNISSA.

Lawatan Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia ke UNISSA



Bergambar ramai bersama wakil daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia.

Pada 3 Jamadilakhir 1438H bersamaan 2 Mac 2017M Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan dari Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia. Tujuan kunjungan tersebut ialah dengan harapan untuk menjalin kerjasama dalam mempromosi penerbitan buku-buku ilmiah di rantau ini. Hadir menyambut baik kehadiran rombongan tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor, Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA dan beberapa orang pegawai-pegawai utama UNISSA.



Bergambar ramai bersama rombongan daripada Yayasan Mujamma' Darul Hadis (YAMDAH) ke UNISSA.

UNISSA Terima Rombongan YAMDAH Malaysia



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pengerusi YAMDAH, Yang Berbahagia Tuan Syeikh Muhd Zainul Asri bin Mohd Romli.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan rasmi daripada Yayasan Mujamma' Darul Hadis (YAMDAH) Malaysia pada 23 Jamadilakhir 1438H bersamaan 22 Mac 2017M. Lawatan ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada para delegasi untuk bertukar-tukar pandangan di antara pihak YAMDAH dan UNISSA.

Delegasi YAMDAH seramai 17 orang yang diketuai oleh Yang

Berbahagia Tuan Syeikh Muhd Zainul Asri bin Mohd Romli, Pengerusi YAMDAH telah dialu-alukan oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA berserta Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pemangku Penolong Rektor, pegawai-pegawai utama, dekan-dekan fakulti, pengarah-pengarah pusat dan pegawai-pegawai UNISSA.

Rombongan Delegasi UiTM Malaysia ke UNISSA

Bergambar ramai bersama delegasi daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke UNISSA yang diketuai oleh Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said (tiga bawah), Naib Canselor UiTM.



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 26 Jamadilakhir 1438H bersamaan 25 Mac 2017M. Kunjungan ini adalah untuk meningkatkan lagi hubungan kerjasama yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah institusi pengajian tinggi tersebut, lebih-lebih lagi dengan terdapatnya kampus UiTM Cawangan Sarawak dan UiTM Cawangan Sabah yang merupakan sebahagian daripada 35 buah kampus UiTM di seluruh Malaysia.

Di antara bentuk kerjasama yang telah dijalankan oleh UNISSA dan UiTM adalah penganjuran bersama

Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) yang mana UNISSA telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan KAIB ke-8 pada tahun 2015. Persidangan KAIB yang diadakan secara kolaborasi setiap tahun adalah merupakan aktiviti dan wadah bagi para penyelidik dan para tenaga akademik berkongsi penemuan terkini dan hasil kajian mereka di samping membahaskan isu dan permasalahan yang dihadapi serta bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman untuk mempelajari cara terbaik menangani sesuatu isu. KAIB juga dihasratkan dapat menyemarakkan lagi kegiatan ilmiah dalam kalangan para akademik di institusi-institusi

Pengajian Islam di rantau ini dan di Borneo secara amnya, dan di UNISSA serta UiTM khususnya. Persidangan KAIB yang diadakan secara bergilir oleh IPT di kepulauan Borneo tersebut juga pernah diadakan di Universitas Lambung Mangkurat (ULM), Banjarmasin Kalimantan Selatan, Universitas Mulawarman (UNMUL) Samarinda Kalimantan Timur, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), dan UiTM Sabah dan Sarawak. Selain itu wakil UNISSA juga telah menghadiri Persidangan Rektor-Rektor Universiti Borneo pada tahun 2016 atas jemputan UiTM Sarawak yang berlangsung di Universitas Lambung Mangkurat

(ULM), Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia bagi merancang dan membincangkan bentuk kerjasama yang lebih erat antara institusi-institusi Pengajian Tinggi di kepulauan Borneo.

Kunjungan UiTM yang diketuai oleh Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor UiTM tersebut telah dialu-alukan oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor, Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor serta pensyarah-pensyarah UNISSA.



Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA menyampaikan cendramata kepada Grace H. Wong, wakil rombongan daripada University of British Columbia (UBC) ke UNISSA.

Pada hari Isnin, 21 Jamadilakhir 1438H bersamaan 20 Mac 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima lawatan daripada The University of British Columbia (UBC). Rombongan UBC seramai dua orang itu diketuai oleh Grace H. Wong, *Senior Advisor International Office of the Provost and Vice-President Academic, UBC*.

Hadir bagi pihak UNISSA untuk menerima lawatan tersebut ialah Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Pemangku Penolong Rektor UNISSA, Haji Ali Hussaini bin Haji Mohd Diah, Pemangku Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa dan Nurhafizatulhikmah binti Seribini, Timbalan Dekan Pelajar.

Lawatan dari University of British Columbia (UBC) Canada ke UNISSA

Tujuan utama rombongan UBC membuat lawatan tersebut adalah untuk mempromosi kepada UNISSA program kursus jangka pendek iaitu *Vancouver Summer Program*. Kursus berkenaan akan diadakan selama satu bulan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan pertama pada 4 Jun hingga 4 Julai dan 1 kumpulan kedua pada 5 Julai hingga 15 Ogos 2017. Yuran bagi mengikuti program berkenaan adalah sebanyak \$4750 CAD.

Di samping itu juga, UNISSA telah membincangkan mengenai peluang-peluang kerjasama yang boleh diterokai seperti pertukaran pelajar dan staf, penyelidikan dan penerbitan.

Lawatan Presiden IFIHL Qatar ke UNISSA



Bergambar ramai bersama Presiden Al-Muntada Al-Islami Li Al-Qanun Ad-Dauli Al-Insani (IFIHL) Qatar, Dr Fauzi Oussiddiq (tiga bawah).

Pada 4 Jamadilawal 1438H bersamaan 1 Februari 2017M Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima satu pengiktirafan antarabangsa dengan kunjungan lawatan kerja daripada Presiden Al-Muntada Al-Islami Li Al-Qanun Ad-Dauli Al-Insani (IFIHL), Qatar, Dr Fauzi Oussiddiq.

Antara tujuan kunjungan beliau adalah untuk memperkenalkan peranan IFIHL terhadap dunia Islam dan tanggungjawab yang dipikul dalam memberi kefahaman kepada dunia tentang ajaran Islam. Pertubuhan ini juga merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Islam Antarabangsa Bulan Sabit (ICIC). Antara aktiviti penubuhannya

ialah bertujuan menyokong penguatan undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa dan penyebaran prinsip-prinsip dan peraturan mengikut garis panduan Syariat Islam.

Atas dasar itu juga, beliau akan berusaha membantu kepakaran ilmiah yang ada di UNISSA melalui penulisan jurnal khususnya dalam bidang perundangan Islam.

Hadir bagi mengalu-alukan kunjungan Presiden IFIHL ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin dan seterusnya menyampaikan taklimat tentang penubuhan UNISSA.

UNISSA Terima Kunjungan Delegasi UNISBA Indonesia



Gambar ramai delegasi Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universiti Islam Bandung (UNISBA) yang membuat lawatan ke UNISSA.

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah menerima kunjungan delegasi dari Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universiti Islam Bandung (UNISBA), Indonesia pada 16 Jamadilawal 1438H bersamaan 13 Februari 2017M bertempat di Bilik Latihan L1.2 UNISSA.

Kedatangan rombongan seramai 25 orang terdiri daripada tujuh pensyarah dan 18 pelajar yang diketuai oleh Dekan Fakultas Ekonomi dan Bisnis, UNISBA, Dr Atih R Dariah itu telah disambut oleh Dekan FEKIm, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, tenaga akademik fakulti serta mahasiswa dan mahasiswi FEKIm UNISSA.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mengadakan kolokium mengenai ekonomi dan

kewangan Islam bersama pensyarah FEKIm UNISSA. Dalam lawatan itu, satu kertas kerja penyelidikan bertajuk "*The Role of Microfinance to Eliminate Poverty by Financing Small and Medium Enterprises*" juga telah dibentangkan oleh pensyarah UNISBA, Dr Tasya Aspiranti.

Di bilik yang berasingan pula, mahasiswa dan mahasiswi dari kedua-dua buah fakulti telah mengadakan Forum Pertandingan Karya Ilmiah dengan membentangkan kertas kajian masing-masing yang membawa tema 'Ekonomi dan Kewangan Islam'.

Lawatan rombongan kemudian diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada enam kumpulan pembentangan kertas terbaik yang disampaikan oleh kedua-dua dekan fakulti.

Perbincangan dengan Centre of Islamic Studies, PSU Thailand

Pada 29 Jamadilakhir 1438H bersamaan 28 Mac 2017M, rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diketuai oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan Yang Mulia Dr Yusof Talek, Pengarah Centre of Islamic Studies (CIS), University Prince of Songkla (PSU), Kampus Pattani bersama beberapa pegawai-pegawai utama universiti berkenaan.

Pada dasarnya, UNISSA dan PSU telah mempunyai jalinan ikatan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) setelah termeterai sejak 25 November 2013.

Dalam kunjungan tersebut, sesi perbincangan adalah berkisar mengenai dengan fokus terhadap implementasi rancangan akademik dan bukan akademik yang telah dipersetujui dalam perbincangan-perbincangan dua hala sebelum ini



Rombongan UNISSA yang diketuai oleh Rektor, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa mengadakan perjumpaan dengan Dr Yusof Talek, Pengarah Centre of Islamic Studies (CIS), University Prince of Songkla (PSU), Thailand.

Perbincangan lanjut adalah mengenalpasti bidang khidmat masyarakat yang bersesuaian bagi kedua buah institusi.

Hasil daripada perbincangan tersebut, kedua-dua buah institusi antara lainnya bersepakat untuk mengadakan program dan projek iaitu pertukaran pelajar dimana CIS, PSU, Kampus Pattani akan menghantar beberapa orang pelajar yang terpilih ke UNISSA bagi mengikuti dua semester pengajian pada semester yang akan datang ini.

Selain daripada itu, pengendalian bersama

aktiviti Perkhemahan Bahasa Arab juga akan diadakan melibatkan pelajar dari PSU, Universiti Fatoni, Universiti Narathiwat Rachanakarin dan Universiti Malaya Kelantan. Lokasi perkhemahan dicadang untuk diadakan di Krabi Thailand dan tarikhnya akan ditentukan kemudian.

Turut hadir dalam perjumpaan tersebut ialah Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor UNISSA dan Haji Mohamad Yunus bin Haji Metusin, Ketua Hal Ehwal Antarabangsa, UNISSA.



Antara ahli-ahli akademik UNISSA yang menghadiri Seminar SeIPTI dan membentangkan kertas kerja.



Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor UNISSA, selaku pembentang ucapatama semasa Majlis Perasmian SEIPTI.

Penganjuran Bersama SeIPTI di Universiti Fatoni Thailand

Bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara dua buah universiti, Yang Mulia Rektor UNISSA berkesempatan menghadiri Majlis Konvokesyen ke-14 Universiti Fatoni Thailand (FTU) yang diadakan pada 26 Jamadilakhir 1438H bersamaan 27 Mac 2017M dan seterusnya perasmian Seminar Antarabangsa Institut Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI) pada 28 Jamadilakhir 1438H bersamaan 27 Mac 2017.

Seminar dua hari yang bermula 27 hingga 28 Mac 2017 merupakan anjuran bersama Universiti Sains

Islam Malaysia (USIM), Malaysia, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam, Universiti Darussalam (UNIDA), Gontor, Indonesia dan Universiti Fatoni (FTU), Selatan Thailand.

Di dalam majlis perasmian tersebut, Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapatama mengenai 'Peranan Pendidikan Tinggi Islam Ke Arah Membina Kelestarian Masyarakat Madani di Brunei Darussalam (Pengalaman UNISSA)'. Selain itu, wakil daripada beberapa

buah institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Sain Islam Malaysia (USIM), Universiti Darussalam (UNIDA), Gontor, dan University of Muhammadiyah Jakarta, Indonesia, serta juga FTU selaku Tuan Rumah turut sama menyampaikan ucapatama.

Beberapa orang ahli akademik daripada pelbagai IPT termasuk UNISSA juga telah berpeluang mengongsikan ilmu melalui pembentangan kertas kerja pada hari kedua seminar itu.

Kepimpinan Berkesan Terap MIB

Sepanjang lebih 30 tahun merdeka, Melayu Islam Beraja (MIB) adalah falsafah negara dan teras kenegaraan, Negara Brunei Darussalam dapat terus berkembang maju yang dapat dilihat daripada pembangunan prasarana dan pembangunan tenaga manusia rakyatnya.

Sementara di peringkat antarabangsa ia juga telah menempati dan menyandang dengan baik dan wajar posisi serta statusnya dalam keadaan aman tenteram dalam kalangan negara-negara dunia. Hal yang demikian itu adalah berkat kepimpinan pemerintahan beraja yang berkesan pada menaungi kepentingan rakyat dan negara.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Kuliah Khas yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada Kuliah / Aktiviti Ilmiah bagi Kursus MIB Universiti Islam

Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2016 / 2017 berlangsung pada 11 Jamadilawal 1438H bersamaan 8 Februari 2017M di Auditorium UNISSA.

Kuliah Khas bertajuk 'MIB - Signifikan Watikah Titah Permasalahannya dan Penerapan Konsepnya dalam Pemerintahan Negara Brunei Darussalam' membicarakan mengenai MIB dan signifikan watikah sebagai instrumen penting dalam pemasyhuran kemerdekaan.

Kuliah Khas MIB anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA itu telah dipengerusikan oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad.

Hadir sama mendengarkan Kuliah Khas tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Agama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Timbalan Rektor, Pengarah PPIB, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.



Kuliah Khas MIB yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Agama.



Para tetamu khas semasa Kuliah Khas berkenaan.

Ekonomi Negara Realisasikan Wawasan 2035

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), telah mengadakan Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) pada 4 Jamadilawal 1438H bersamaan 1 Februari 2017M bertempat di Auditorium UNISSA.

Hadir selaku jempunan khas ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan seterusnya menyampaikan Kuliah MIB dengan tajuk 'Pembangunan Ekonomi Negara Dalam Merealisasikan Wawasan 2035'.

Tujuan kuliah ini diadakan ialah untuk mengetahui

kedudukan ekonomi negara yang perlu diketahui pada masa kini dan mengetahui jalan atau cara untuk membangun Negara Brunei Darussalam.

Seramai 187 mahasiswa-mahasiswi Tahun Pertama dan mahasiswa-mahasiswi Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah menghadiri kuliah berkenaan yang telah dipengerusikan oleh Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm.

Hadir sama mendengarkan Kuliah Khas tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Penolong Rektor UNISSA, Pengarah PPIB, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan UNISSA.



Kuliah Khas MIB yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri).



Para mahasiswa dan mahasiswi Tahun Pertama telah menghadiri kuliah berkenaan di Auditorium, UNISSA.

Beberapa Pindaan Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dilaksanakan



Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syari'e ketika menyampaikan Kuliah Khas MIB di Auditorium UNISSA.

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Kuliah Khas 'Melayu Islam Beraja (MIB)' pada 18 Jamadilawal 1438H bersamaan 15 Februari 2017M di Auditorium, UNISSA.

Ceramah bertajuk 'Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah di Negara Brunei Darussalam' telah disampaikan oleh Ketua Hakim Syari'e, Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Antara inti pati ceramah tersebut menyentuh mengenai Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah, 2013, Yang Amat Arif / Yang

Berhormat Pehin menjelaskan, terdapat beberapa pindaan pelaksanaan di Mahkamah-Mahkamah Syariah, sebagai contoh, pindaan dari segi bidang kuasa eksklusif, Mahkamah Rendah Syariah diberi kuasa dengan boleh mengenakan hukuman denda tidak lebih BND28,000 penjara 7 tahun dan hukuman sebat.

Hadir sama mendengarkan kuliah tersebut ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad; Pengarah-Pengarah Pusat; Pegawai-pegawai; kakitangan dan mahasiswa-mahasiswi UNISSA.

Kuliah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'e, UNISSA, Dr Azme bin Haji Matali.

MIB Bentuk Kemajuan Negara

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah meneruskan sesi Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) pada 1 Rejab 1438H bersamaan 29 Mac 2017M. Kuliah yang bertajuk 'Sejarah Kesultanan Melayu di Brunei' ini telah disampaikan oleh Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Tajuk ini memfokuskan tentang sejarah kewujudan Kesultanan Melayu Brunei. Kesultanan Melayu Brunei telah wujud secara rasminya setelah pengislaman Awang Alak Betatar yang menganuti Agama Islam pada tahun 1368 dan menjadi pengasas serta Sultan yang pertama di Negara Brunei Darussalam.

Catatan awal mengenai Kerajaan Brunei Tua adalah dalam abad ke 10 ketika diperintah oleh Maharaja Hiang-ta. Ini dapat dibuktikan berdasarkan laporan China bahawa pada tahun 977 Masihi, Maharaja China telah menerima perutusan dari Puni yang diketuai oleh Pu Ya-li (Abu Ali) bersama Khadi Kasim, Shih Nu (Sheikh Noh), dan seorang saudagar China, Pu Lu-hsieh. Perutusan yang beragama Islam ini membuktikan bahawa agama Islam telah datang di Brunei walau Rajanya masih beragama Hindu-Budha.

Sultan Haji Omar Ali Saifuddin menandatangani Perjanjian Perlembagaan 1959 bagi mengembalikan kedaulatan Brunei sebagai sebuah negara Kesultanan Melayu Islam yang mana dideklarasikan pada tahun 1984 sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.



Yang Mulia Dr Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong (kiri), Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja ketika menyampaikan Kuliah Khas MIB yang diadakan di Dewan Jubli, UNISSA.

Dalam kuliah berkenaan, Dr Haji Mohammad Hadi bin Mohammad Melayong menjelaskan mengenai cara hidup Melayu Islam Beraja juga dapat dilihat berdasarkan pakaian dan tingkahlaku dalam majlis atau waktu-waktu tertentu khususnya waktu bertugas di pejabat kerajaan dan swasta.

Pendidikan agama itu tidak boleh dipinggirkan kerana ia sama pentingnya dengan pendidikan yang lain bagi melahirkan 'insan Brunei' yang mempunyai kriteria yang diperlukan berasaskan kepada nilai-nilai taat beragama, beraja dan semangat jati diri yang kukuh berbudaya Melayu untuk mencapai matlamat yang terkandung

dalam Wawasan Negara 2035. Dalam kesimpulan kuliah MIB tersebut beliau menjelaskan bahawa dengan berdasarkan Wawasan Negara 2035, Melayu Islam Beraja adalah merupakan acuan yang akan membentuk dan mewarnai apa jua kemajuan dan pembangunan yang akan dicapai untuk kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat bagi kelangsungan pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei.

Turun hadir mendengar kuliah tersebut ialah Ustazah HjH Masuriyati binti Hj Yahya, Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Pegawai-pegawai, kakitangan dan mahasiswa-mahasiswi UNISSA.



Peserta bengkel sedang membuat perbincangan.



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal (lima kiri bawah), Rektor UNISSA bergambar ramai bersama para peserta bengkel semasa Majlis Penutup bengkel berkenaan.

Bengkel Merombak Tesis kepada Buku

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah menganjurkan 'Bengkel Merombak Tesis Kepada Buku' yang telah diadakan di Auditorium UNISSA.

Seramai 17 orang peserta terdiri daripada tenaga akademik UNISSA, Universiti Brunei Darussalam, Politeknik Brunei, Pusat Sejarah dan Jabatan Muzium-Muzium mengikuti bengkel yang diadakan selama empat hari bermula 2 - 4 Jamadilakhir 1438H bersamaan 1 - 4 Mac 2017M. Fasilitator bengkel tersebut ialah Prof. Dr Roosfa Hashim, Pengarah IIUM Press, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Antara lain objektif bengkel diadakan adalah untuk menggalakkan penglibatan ahli tenaga akademik terutama tenaga akademik tempatan dalam penerbitan bahan-bahan ilmiah, menyediakan keperluan latihan dalam bentuk kursus-kursus atau bengkel-bengkel bagi membimbing tenaga akademik supaya berkeyakinan dalam menghasilkan manuskrip yang bermutu untuk diterbitkan, dan menggalakkan dan membimbing tenaga akademik dalam penghasilan bahan terbitan bagi jurnal-jurnal berindex SCOPUS, ISI dan index antarabangsa lainnya.

Majlis penutup bengkel dan penyampaian sijil para peserta

serta sijil penghargaan kepada fasilitator telah diadakan pada hari Sabtu, 5 Jamadilakhir 1438H bersamaan 4 Mac 2017M. Sijil-sijil telah disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Hadir sama ialah Timbalan Rektor, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Pegawai-Pegawai Utama UNISSA, serta tenaga akademik UNISSA.

Hasil bengkel ini diharapkan memberikan manfaat dan faedah kepada para peserta bagi meningkatkan minat dan keyakinan mereka untuk turut serta dalam penerbitan artikel dan buku-buku ilmiah.



Profesor Dr Roosfa Hashim, Pengarah IIUM Press selaku fasilitator bengkel.

Bengkel Pembinaan Sistem Maklumat



Dr Adam bin Haji Jait, Pengarah Pusat Teknologi dan Multimedia memberi taklimat mengenai bengkel Pembinaan Sistem Maklumat.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan 'Bengkel Pembinaan Sistem Maklumat' yang berlangsung pada 7 dan 28 Jamadilawwal serta 5 Jamadilakhir 1438H bersamaan dengan 4 dan 25 Februari serta 4 Mac 2017M bertempat di Bilik Makmal ICT 2, UNISSA.

Bengkel tersebut dibukakan kepada Staf Akademik Tempatan serta Staf Sokongan UNISSA. Bengkel berkenaan telah disampaikan oleh Dr Adam bin Haji Jait, Pengarah Pusat Teknologi dan Multimedia, UNISSA.

Forum Perdana Ekonomi dan Kewangan Islam 2017 & Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman



Forum Perdana Ekonomi dan Kewangan Islam yang dipengerusikan oleh Dr Hajah Rose binti Abdullah (hujung kiri) bersama ahli-ahli panel forum (dari kiri) Dr. Emir Hrnjic', Mr Mubashar Khokhar dan Profesor Dr Abdul Ghaffar bin Ismail.



Penandatanganan MoU antara UNISSA dan CIBFM. Mewakil pihak UNISSA ialah DR Abdul Nasir bin Abdul Rani (kiri) Dekan FEKIm dan Dr. Emir Hrnjic', Ketua Pegawai Eksekutif CIBFM.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengunyahkahkan Forum Perdana yang bertemakan "Pemeriksaan Ekonomi dan Kewangan Islam Menjamin Keutuhan Ummah" pada 23 Jamadilakhir 1438H bersamaan 22 Mac 2017M bertempat di Auditorium UNISSA.

Forum ini merupakan yang kedua diunyahkahkan oleh FEKIm. Kali pertama forum berkenaan telah diadakan pada 17 Februari 2016 dengan tema "Pengurusan Harta Peribadi Menurut Pandangan Islam".

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman, Pengarah Urusan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Turut hadir Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, pegawai-pegawai dari

AMBD dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Pegawai-Pegawai Utama dan pensyarah UNISSA. Dianggarkan seramai 200 orang peserta menyertai forum tersebut. Panelis forum adalah terdiri daripada golongan profesional, pengamal, dan tenaga akademik. Mereka ialah Dr. Emir Hrnjic', Ketua Pegawai Eksekutif, Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM), Mr Mubashar Khokhar, Managing Director Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), dan Profesor Dr Abdul Ghaffar bin Ismail, Profesor FEKIm, UNISSA. Sesi forum telah dipengerusikan oleh Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pensyarah Kanan FEKIm, UNISSA sebagai moderator.

Forum Perdana Ekonomi diselajurkan dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persafahaman antara UNISSA dan CIBFM. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dr

Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm sementara CIBFM diwakili oleh Dr Emir Hrnjic', Ketua Pegawai Eksekutif CIBFM dan telah disaksikan oleh Tetamu Kehormat Majlis.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman ini adalah merupakan satu inisiatif kedua-dua pihak untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim antara FEKIm dan CIBFM yang telah sekian lama terjalin. Selain itu juga, menerusi penandatanganan memorandum tersebut akan dapat meningkatkan lagi prestasi kerjasama antara kedua pihak dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam sama ada bidang penyelidikan, penerbitan, akademik, bukan akademik, dan apa jua aktiviti yang sesuai untuk diunyahkahkan secara bersama pada masa akan datang.

Sesi *Retreat* Bagi Pegawai-Pegawai Utama UNISSA 2016 / 2017



Sesi *Retreat* bagi Pegawai-Pegawai Utama UNISSA yang berlangsung selama dua hari di V-Plaza Hotel, Kuala Belait.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Jaminan Kualiti mengadakan satu sesi *retreat* bagi Pegawai-Pegawai Utama UNISSA bagi membincangkan rangka Pelan Strategik UNISSA serta memastikan hala tuju pentadbiran dan juga akademik UNISSA dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan di samping mengambil peluang untuk membincangkan isu-isu yang dihadapi

oleh setiap jabatan, fakulti, pusat dan bahagian di UNISSA. Seramai 36 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai utama, dekan-dekan dan timbalan-timbalan dekan fakulti, pengarah-pengarah dan timbalan-timbalan pengarah pusat serta ketua-ketua bahagian di UNISSA mengikuti program *retreat* yang diadakan selama dua hari bermula 15 hingga 16 Rabiulakhir 1438H bersamaan 13 hingga 14

Januari 2017M dan berlangsung di V-Plaza Hotel, Kuala Belait. Turut hadir dalam program *retreat* tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor yang juga selaku fasilitator sesi *retreat*, Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor, dan pegawai-pegawai utama UNISSA yang lain.

Faculty of Syariah and Law Talk



Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi, Senior Lecturer at Faculty of Shariah and Law presented a special talk.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through the Faculty of Shariah and Law (FSL) has conducted a special talk on 26 Jamadilakhir 1438H corresponding to 25 March 2017M. The special talk was a presentation of conference paper by Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi, Senior Lecturer of FSL who attended the 4th ASEAN International Conference on Islamic Finance 2016 held on 6-8 December 2016 in Melaka, Malaysia. Dr Haji Abdurrahman presented his paper entitled 'Regulatory System in Enhancing the Implementation of Islamic Economics Relating Financial Sectors in Brunei Darussalam'. The talk took place at the Training Room L1.3 UNISSA and was attended by lecturers and students of FSL as well as the Faculty of Economic and Islamic Finance (FEKIm).

Lawatan dari Sekolah Menengah Saidina Ali



Rombongan daripada Sekolah Menengah Sayyidina Ali bergambar ramai bersama Ustaz Hayattuddin bin Haji Moxsin (empat dari bawah kiri) Pemangku Timbalan Pendaftar UNISSA dan Nurhafizatulhikmah binti Haji Serbini (tiga dari bawah kiri) Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima lawatan sambil belajar daripada Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait pada 19 Jamadilakhir 1438H bersamaan 18 Mac 2017M. Ustaz Hayattuddin bin Haji Moxsin, Pemangku Timbalan Pendaftar UNISSA telah mengalu-alukan lawatan seramai 37 orang penuntut dan tiga orang guru pengawas yang diketuai oleh Muhammad Shamry bin Haji Mohd Sani, Timbalan Pengetua Pentadbiran SMSA. Turut hadir menerima lawatan tersebut ialah Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Nurhafizatulhikmah binti Haji Serbini.



Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Acting Rector of UNISSA, handing over the national flag to the army cadet personnel.

UNISSA Held Flag Raising Ceremony

In conjunction with the 33rd National Day celebration of Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) held a flag raising ceremony on 19 Jamadilawal 1438H corresponding to 16 February 2017M at the car park area of the university. The guest of honour at the event was Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, the Acting Rector of UNISSA. The event began with the recitation of *Surah Al-Fatihah* followed by the handing over of the national flag by the guest of honour to an army cadet personnel of UNISSA. The raising of the flag was accompanied by the singing of the national anthem. A *Doa Selamat* was read by Mohammad Rif'at Atiyah bin Anwari from the Students' Representative Council (MPP) of UNISSA.

UNISSA Sertai Pesta Buku Brunei 2017



Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tiga dari kanan), Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkunjung ke petak jualan UNISSA Press.

Pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA Press) telah menyertai Pesta Buku Brunei 2017 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah diadakan selama 10 hari bermula 29 Jamadilawal hingga 8 Jamadilakhir 1438H bersamaan 26 Februari hingga 7 Mac 2017M.

Pesta buku ini sedikit sebanyak memberi peluang kepada pihak UNISSA Press untuk memasarkan dan mempromosikan buku-buku terbitan UNISSA, di samping mencari peluang pasaran buku.

Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei Dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2017 telah diadakan pada 30 Jamadilawal 1438H bersamaan 27 Februari 2017M bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian berkenaan ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yussof. Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017.



Gambar ramai Pegawai-Pegawai UNISSA bersama fasilitator kursus.

Pada hari kedua dan ketiga pula, para pegawai telah diberikan kursus 'Developing Team Members- Key Leadership Attribute' bertempat di iCentre, BEDB, Berakas. Seterusnya pada hari terakhir kursus pula, mereka telah menjalani program 'Problem Solving & Decision Making: Key Leadership Attribute' yang diadakan di tempat yang sama.

Kursus seumpama ini bertujuan untuk memupuk semangat kepimpinan dan kerja berpasukan dalam kalangan para pegawai serta mengembangkan minda dan penambahan idea-idea ke arah kecemerlangan warga kerja UNISSA.

Kursus Penolong Pendaftar & Pegawai-Pegawai UNISSA

Kursus khas 'Assistant Registrars' and Officers' High Impact Management Development Program' bagi Pegawai-Pegawai Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diadakan pada 17 hingga 21 Rabiulakhir 1438H bersamaan 15 hingga 19 Januari 2017M. Kursus yang dijalankan selama empat hari tersebut telah diadakan pada dua tempat berasingan.

Hari pertama kursus telah berlangsung di Pusat Sukan Air Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Serasa. Kursus "Team Building" bagi penolong-penolong pendaftar dan pegawai-pegawai berkenaan juga turut disertai oleh Pegawai-Pegawai Eksekutif UNISSA.



Pegawai-pegawai UNISSA sedang menghadiri kursus yang diadakan di iCentre BEDB, Berakas.

Perjumpaan Rektor dengan Staf Akademik Tempatan UNISSA

Pada 23 Rabiulakhir 1438H bersamaan 21 January 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan satu perjumpaan antara Rektor dengan Staf Akademik Tempatan UNISSA. Perjumpaan tersebut telah berlangsung di Bilik Bankuet, UNISSA.

Hadir di majlis perjumpaan tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor, dan Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor serta Pegawai-Pegawai Eksekutif UNISSA.





Guest honour of the event, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA (4th from left).



Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid delivered a special lecture at UNISSA.

UNISSA Anjur Kurapak Kitani ke-5

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Program Kurapak Kitani Siri ke-5 pada 23 Rabiulakhir 1438H bersamaan 21 Januari 2017M bertempat di Auditorium, UNISSA. Ia bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang kepentingan adab dalam menuntut ilmu dan menerapkan nilai-nilai murni yang perlu ada bagi diri mahasiswa dan mahasiswi agar dapat diaplikasikan semasa berada di universiti atau di luar universiti.

Majlis yang berlangsung di Auditorium, UNISSA itu dihadiri kira-kira 300 orang, diisi dengan sesi ceramah bertajuk 'Sekalung Ijazah Impianmu, Adab Belajar Tanggungjawabmu' yang

disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang UNISSA, Dr Widad binti Haji Abdul Aziz yang dipengerusikan oleh mahasiswa Tahun Dua, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dayangku Khairunnisa Zawannah binti Pengiran Haji Metasin.

Di antara intipati ceramah yang disampaikan oleh Dr Widad antara lain menekankan tentang perlunya para pelajar mempunyai sifat sabar dalam menuntut ilmu.

Katanya, sebagai pelajar memang menghadapi berbagai-bagai cubaan terutama mempunyai komitmen yang banyak dalam membuat kajian dan sebagainya. Oleh itu, kejayaan tidak akan tercapai tanpa adanya kesabaran.

Special Lecture Held at UNISSA

The auditorium of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) was fully packed as community members attended a special lecture delivered by Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid on 14 Jamadilawal 1438 H corresponding to 11 February 2017M.

The lecture was an eagerly anticipated event by Ustaz Don Daniyal who presented his talk on 'Iman, Cinta dan Taqwa'.

The event's guest of honour was UNISSA's Deputy Rector, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Also present were Zamzaipa binti Haji Ismail, the Head of Accounting and Finance at Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Hajah Halija binti Pehin Orang Kaya Laila Utama Dato Paduka Haji

Jaya, Head of Marketing and Corporate Communication, also from Perbadanan TAIB; officers, staff, lecturers, undergraduates and members of the public.

The lecture was also part of UNISSA's ongoing programme of religious activities organised to mark the institution's 10th anniversary.

The event began with a recitation of the verses from the Al-Quran by Muhammad Nazirul Azizan bin Bahren, a first-year undergraduate from the Faculty of Shariah and Law.

Some of the lecture's objectives were to create awareness on gaining knowledge based on the principles of 'Iman', 'Cinta' and 'Taqwa', as well as to open the minds of students to Syariat Islam. The programme was attended by over 500 people.



Sesi ceramah yang disampaikan oleh Dr Widad binti Haji Abdul Aziz (kanan), pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA.



Pelajar UNISSA yang menghadiri Program Kurapak Kitani Siri ke-5.

UNISSA Sertai Ekspo Pengajian Tinggi 2017

Ekspo Pengajian Tinggi 2017 anjuran Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pengajian Tinggi telah diadakan pada 14 hingga 15 Jamadilawal 1438H bersamaan 11 hingga 12 Februari 2017M di Dewan Bridex, Jerudong. Antara yang menyertai ekspo berkenaan ialah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi membuka

ruang pengunjug untuk mengetahui bukan sahaja mengenai program-program yang ditawarkan, tetapi juga mengenai kriteria-kriteria dan proses-proses kemasukan ke institusi berkenaan. Lebih 800 orang pengunjug telah berkunjung ke booth pameran UNISSA.





Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal (dua dari kiri), Rektor UNISSA sedang menyertu surau UNISSA.

Turut serta semasa menyertu surau berkenaan ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA bersama dengan Pegawai-pegawai Utama, pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki UNISSA. Acara itu juga turut dibantu oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

Surau ini terletak berdekatan dengan Kolej Kediaman (Asrama) Universiti. Bangunan surau ini asalnya adalah di atas tapak surau lama yang mana hanya dapat menampung seramai 200 orang jemaah. Apabila terlaksananya projek menaiktaraf bangunan selesai sepenuhnya, surau ini dijangka akan dapat menampung seramai 400 orang jemaah.

UNISSA Sertu Bangunan Surau Tambahan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan acara menyertu bagi Surau Universiti pada 2 Rejab 1438H bersamaan 30 Mac 2017M. Amalan ini bertujuan bagi membersihkan najis agar jemaah tidak merasa was-was semasa mengerjakan ibadah di dalam surau berkenaan.



Pegawai dan kakitangan lelaki begotong-royong menyertu surau UNISSA.

UNISSA Semarak Hari Kebangsaan ke-33

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-33, 2017 merupakan sambutan yang sangat penting bagi peserta-peserta yang terlibat khususnya dalam menzahirkan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mendokong kepimpinan bijaksana Baginda serta kerajaan Baginda selain dapat memperlihatkan semangat patriotisme, perpaduan yang jitu kepada rakyat dan penduduk negara khususnya bahkan kepada masyarakat serantau dan dunia amnya. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) tidak terkecuali terlibat dalam perbarisan di upacara perhimpunan agung ini.



Perbarisan lalu UNISSA sempena Hari Kebangsaan ke-33 diketuai oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

Acara perhimpunan agung sambutan telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara, pada 26 Jamadilawal 1438H bersamaan dengan 23 Februari 2017M dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja. Sebanyak 133 buah pasukan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan serta kumpulan pencapaian cemerlang seramai kira-kira 23,000 orang mengambil bahagian

dalam acara sambutan berkenaan. Upacara perbarisan lalu diketuai oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Penyertaan UNISSA turut melibatkan semua pegawai-pegawai eksekutif dan utama, pensyarah-pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Ucapan Tahniah Atas Pengurniaan
Pingat Indah Kerja Baik (PIKB)
pada 3 Jamadilakhir 1438H
/ 2 Mac 2017M
kepada:



Dr Azme bin Haji Matali
Pegawai Pusat Penyelidikan
Mazhab Shafi'i UNISSA



**Ustazah Kujaimah @ Hannan
binti Haji Abd Kahar**
Pensyarah Fakulti Bahasa Arab
UNISSA



**Ustaz Haji Sammali bin
Haji Adam**
Pegawai Pusat Perhubungan
Awam dan Antarabangsa UNISSA



**Ustaz Haji Mohamad Yunus
bin Haji Metusin**
Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa
UNISSA



**Haji Md Samari bin Haji
Md Noh**
Penolong Pendaftar UNISSA

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih kepada:



Profesor Dr Mohd Altaf Hussain Ahangar

Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA yang telah tamat kontrak pada 21 Rabiulakhir 1438 bersamaan dengan 19 Januari 2017.



Maria Sarah binti Abdullah Ugah

Pekerja Tingkat II, Bahagian Pentadbiran UNISSA yang telah tamat berkhidmat pada 12 Rabiulakhir 1438 / 10 Januari 2017 dan berpindah tempat kerja ke Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan.

Omani Envoy Commends UNISSA Students

Eight UNISSA Students Attended ALSA Conference in Indonesia



UNISSA students departed to Bandung, Indonesia to participate in the Asian Law Students' Association Conference (ALSA Conference).

Eight law students from Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) left for Bandung, Indonesia on 17 Rabiulakhir 1438H corresponding to 15 January 2017M to participate in the Asian Law Students' Association Conference (ALSA Conference).

ALSA is a non-political, non-profit association that welcomes cultural diversity and advances the professionalism and hard-working ethic which are the evident characteristic of Asians.

ALSA has continuously improved as a premier association that provides the venue for law students to develop as future leaders of Asia.

ALSA has its official's seat in Zurich, Switzerland and is therefore recognised under Swiss law.

ALSA has three visions – to focus a global vision on the promising future of Asia, to promote an awareness of justice and facilitate the recognition of the social responsibilities of law students.



His Excellency Sheikh Ahmed Bin Hashil Bin Rashid Al-Maskari (2nd row, 4th left) in a group photo with the UNISSA students.

The Ambassador of the Sultanate of Oman to Brunei Darussalam, Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari has honoured 15 students from the Faculty of Arabic Language, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) during a reception held at the premises of the Embassy of the Sultanate of Oman in Brunei Darussalam.

The students were honoured for their volunteer work in helping the embassy man their booths during Brunei's Book Fair held from 30 Jamadilawwal - 8 Jamadilakhir 1438H corresponding to 27 February - 7 March 2017M.

Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-

Maskari presented certificates of appreciation to the students.

The ambassador praised the students for their enthusiastic support and cooperation towards the embassy. The Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, expressed his gratitude to the embassy for giving UNISSA students the opportunity to do voluntary work and also expressed his appreciation for the donation of books.

Also present at the ceremony were Deputy Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad and Dean of Faculty of Arabic Language, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.



Projek Dakwah Fakulti Usuluddin UNISSA

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di bawah kursus UA3306 *Usul Al-Da'wah Wa Manahijuha* (Prinsip dan Metodologi Da'wah) telah mengadakan Projek Dakwah pada hari Khamis, 17 Jamadilakhir 1438H bersamaan 16 Mac 2017M bertempat di Auditorium UNISSA.

Projek ini merupakan aktiviti ilmiah yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi tahun 3, program Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Da'wah) di bawah bimbingan Ustazah Hajah Idahwati @ 'Irdina Nur'aidah binti Haji Idris, tenaga pengajar kursus UA3306 *Usul Al-Da'wah Wa Manahijuha*.

Antara objektif projek ini ialah untuk mengaplikasikan ilmu yang diperolehi di dalam kelas secara praktikal dan melatih pelajar untuk berani tampil di hadapan orang ramai khususnya dalam berdakwah.

Kira-kira 90 orang peserta terdiri dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menyertai program tersebut.



Mahasiswa dan mahasiswi dari Fakulti Usuluddin Tahun 3 sedang mengungkayahkan Projek Dakwah kepada peserta terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah Arab.



Rombongan pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA membuat lawatan ilmiah selama seminggu ke universiti-universiti di Malaysia, di antaranya ialah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Terengganu, Malaysia.

Lawatan Ilmiah SHALAWSOC UNISSA ke Malaysia

Seramai 22 mahasiswa dan mahasiswi dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ikut serta mengambil bahagian dalam lawatan ilmiah ke Malaysia yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Syariah dan Undang-undang (SHALAWSOC). Turut mengiringi lawatan tersebut ialah dua orang pensyarah Universiti termasuk Dekan FSU, Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin selaku ketua rombongan dan Ustazah

Norasiah binti Haji Amai. Lawatan ini telah berlangsung selama tujuh hari bermula 24 - 30 Rabiulakhir 1438H bersamaan 22 - 28 Januari 2017M.

Delegasi UNISSA telah membuat lawatan rasmi ke beberapa buah universiti termasuklah Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu; Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor dan Kolej Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor.

Di antara objektif lawatan ini adalah bagi memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA untuk berkongsi pendapat serta bertukar-tukar pandangan dengan universiti yang dikunjungi. Selain itu juga, mahasiswa dan mahasiswi juga dapat memimba ilmu pengetahuan dengan melawat ke tempat-tempat berkaitan dengan Persatuan Mahasiswa Mahasiswi Syariah dan Undang-Undang.



**Penanda-
tanganan
MoU
UNISSA
& BSU
Syria**



Penandatanganan Memorandum Persefahaman Antara UNISSA dan Bilad Al-Syam University (BSU), Syria.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus bergiat aktif menjalankan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi luar negara melalui penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) dengan Bilad Al-Syam University (BSU), Syria dalam usaha meningkatkan reputasi di arena antarabangsa. Majlis penandatanganan MoU berkenaan telah berlangsung pada 25 Rabiulakhir 1438H bersamaan 23 Januari 2017M

di Bilik Senat UNISSA. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal manakala itu, pihak BSU, Syria pula diwakili oleh Rektor universiti berkenaan, Profesor Dr Husameddin Farfour. Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor dan pegawai-pegawai utama UNISSA.

UNISSA Meterai MoU dengan PNU & JISDA Thailand



Penandatanganan Memorandum Persefahaman Antara UNISSA dan Jami'ah Islam Sheikh Daud Al-Fathani (JISDA), Thailand.



Memorandum Persefahaman antara UNISSA dan Princess Of Naradhiwas University (PNU), Thailand.

Pada 29 Jamadilakhir 1438H bersamaan 28 Mac 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah meluaskan jalinan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi luar negara dengan termeterainya penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dengan dua buah universiti di Thailand iaitu Princess of Naradhiwas University (PNU) dan juga Jami'ah Islam Sheikh Daud Al-Fathani (JISDA). Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dr Haji

Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan bagi pihak PNU ialah Presiden PNU, Asst. Prof. Dr Rossukon Sangmanee yang diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, PNU. Manakala bagi pihak JISDA pula diwakili oleh Rektor JISDA, Dr Abdulrashid Bin Abdullah yang mengambil tempat di JISDA. Turut hadir pada acara penandatanganan MoU itu ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad dan Ketua Hal Ehwal Antarabangsa UNISSA.

UNISSA & UPF Indonesia Signed MoU & MoA



Signing on behalf of UNISSA, Dr Hajah Mas Nooraini binti Hj Mohiddin (2nd right), Dean of Faculty of Shariah and Law.

On 1 Rejab 1438H corresponding to 29 March 2017M, Universitas Negeri Semarang (UNNES) Indonesia held its first University Presidents Forum (UPF) with the theme 'Nurturing Excellent Higher Education through International Networking'. The UPF was believed as a great platform to expand the network between UNNES and universities around the world in order to identify and solve global problems through the development and strengthening of research and education in

various fields. It is also a forum for university leaders to discuss and share their views, ideas, and strategies for global sustainable development and conservation. The event also witnessed a signing ceremony of the Memorandum of Understanding (MoU) and Memorandum of Agreement (MoA) between Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) and UPF. Signing on behalf of UNISSA was Dr Hjh Mas Nooraini binti Hj Mohiddin, Dean of Faculty of Shariah and Law.

Renewed MoU between UNISSA & UiTM Malaysia



The signing ceremony of UNISSA and UiTM renewed Memorandum of Understanding by Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA and Yang Berbahagia Professor Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said, the Vice Chancellor of UiTM, held at the Ministry of Education building.

The Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA) and Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia have agreed to strengthen existing cooperation in the fields of academic, research, student mobility programme, academic staff as well as student exchange programme. The agreement was included in the renewed Memorandum of Understanding which was signed by both parties on 26 Jamadilakhir 1438H corresponding to 25 Mac 2017M at the Main Hall, New Building, Ministry of Education. The signing ceremony was witnessed by Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, the Acting Minister of Education. Signing on behalf of UNISSA was Dr

Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of UNISSA, while Yang Berbahagia Professor Emeritus Dato' Dr Hassan bin Said, the Vice Chancellor of Universiti Teknologi MARA, signed on behalf of UiTM. Also present were Dr Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Permanent Secretary (Core Education) at the Ministry of Education and Dayang Hajah Anis Fauzulana binti Dzulkiflee, the Acting Deputy Permanent Secretary (Higher Education) at the Ministry. The signing of the MoU is seen as a strong collaboration which produces solidarity and camaraderie to achieve progress and development in the fields of knowledge discovery and research.

UNISSA Meterai MoU dengan Tiga Universiti Antarabangsa



Penandatanganan Memorandum Persefahaman Antara UNISSA dan International Islamic University Islamabad, Pakistan

Pada 18 Jamadilawal 1438H bersamaan 15 Februari 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berpeluang menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa buah universiti antarabangsa. Mewakili pihak International University of Agadir (UNIVERSIAPOLIS), Kingdom of Morocco telah ditandatangani oleh Profesor Dr Aziz Bouslikhane, President universiti berkenan. Manakala Profesor Dr Ahmed Yousef Al-Deriwish, President International Islamic University (IIUI), Islamabad Pakistan

menandatangani bagi pihak IIUI dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia telah ditandatangani oleh Profesor Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor UUM. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Majlis penandatanganan MoU telah dilaksanakan di Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam dan disaksikan oleh Puan Hajah Siti Norsinah binti Haji Tengah, Pemangku Kuasausaha Sementara. Penandatanganan tersebut telah berlangsung di Rabat, Maghribi.



Penandatanganan Memorandum Persefahaman Antara UNISSA dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.



Penandatanganan Memorandum Persefahaman Antara UNISSA dan International University of Agadir, Maghribi

UNISSA Jointly Organised 'Varsity Cycle' for DANA

In conjunction with the 43rd birthday of His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office and Pro-Chancellor of Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), and Universiti Teknologi Brunei (UTB), 'Varsity Cycle', a charitable cycling expedition for the Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Fund for Orphans (DANA) was held on 22 Jamadilawal 1438H corresponding to 19 February 2017M at UTB.



A group photo of UNISSA participants during the Varsity Cycle event held at Bandar Seri Begawan.

Gracing the event was Her Royal Highness Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman. Also amongst the 200 cyclists taking part in the event were the Vice-Chancellor of UBD, Datin Dr Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; and the Vice-Chancellor of UTB, Professor Dr Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

The expedition was flagged off by the Deputy Permanent Secretary (Higher Education) at the Ministry of Education, Dr Haji Azman bin Ahmad. The 43km ride began at the UTB Compound, encompassing the Tungku Highway route and the Sultan Hassanal Bolkiah Highway towards Bandar Seri Begawan, where they had a pit stop at the capital for the Bandarku Ceria event before returning to The Core at UBD.



Gambar ramai warga Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA bersama ahli keluarga semasa acara Hari Keluarga yang diadakan di Taman Rekreasi Hutan Berakas.

Hari Keluarga Fakulti Syariah dan Undang-Undang




Pada 17 Rabiulakhir 1438H bersamaan 15 Januari 2017M, Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengadakan Hari Keluarga bertempat di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas. Hadir di acara tersebut ialah Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin, Dekan FSU dan Dr Hajah Hanan binti Pehin Dato Haji Abdul Aziz, Timbalan Dekan FSU serta pensyarah-pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar fakulti berkenaan. Acara tersebut dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli keluarga yang terlibat sama dalam aktiviti-aktiviti sukan dan permainan. Hari Keluarga ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan sesama warga FSU.



Qiyamullail dan Riadah Bandarku Ceria

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan *Qiyamullail*, Sembahyang Subuh berjemaah dan juga Riadah Bandarku Ceria selama dua hari. Bermula pada 7 Jamadilawal 1438H bersamaan 4 Februari 2017M, acara *Qiyamullail* telah diadakan di Surau Sementara UNISSA. Sementara pada sesi yang lain, Perkongsian Ilmu bagi Mahasiswi telah diadakan di Auditorium UNISSA. Takzilah bertajuk "*Learning from the Muslimah Warriors*" telah disampaikan oleh Dayang Siti Julaiha binti Puasa, Mahasiswi Tahun 3, Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Pada 8 Jamadilawal 1438H bersamaan 5 Februari 2017M pula, pelajar UNISSA melaksanakan Sembahyang Subuh berjemaah di Masjid Jame' 'Asr Hassani Bolkih, Kampung Kiarong.



Acara *Qiyamullail* dan sembahyang berjemaah yang telah diadakan di Surau Sementara UNISSA.

Acara diteruskan dengan senaman aerobik yang diketuai oleh Muhamad Ikhwan Syahmi bin Suhaini, Exco Unit Sukan dan Lojistik, MPP sebelum meneruskan aktiviti berbasikal dan berjalan kaki menuju ke Taman Haji Omar Ali Saifuddin bagi memeriahkan suasana aktiviti riadah "Bandarku Ceria" di samping untuk mengamalkan cara hidup sihat dalam kalangan warga UNISSA agar lebih aktif secara mental dan fizikal.



Pihak UNISSA menyertai aktiviti riadah 'Bandarku Ceria' dalam aktiviti berbasikal dan berjalan kaki telah dihadiri oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA (dua dari kanan).

Turut menyertai dalam aktiviti berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Dekan Hal Ehwal pelajar dan beberapa orang pegawai dan kakitangan UNISSA. "Bandarku Ceria" lebih meriah apabila para pelajar UNISSA telah membuka laluan kepada para pengunjung dengan mengadakan "Klinik Surah *al-Fatihah*". Klinik tersebut adalah untuk membantu orang ramai membaiki dan menghalusi lagi bacaan Surah *al-Fatihah*. Pada masa yang sama juga, *Photohunt Race* turut diadakan agar dapat mengeratkan persaudaraan dan perpaduan antara warga UNISSA.



'Klinik Al-Fatihah' yang dikendalikan oleh pelajar UNISSA.



A group photo of UNISSA and UKM expedition with the Village Head of Kampong Belais, Temburong.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), through its Faculty of Arabic Language (FAL) and Faculty of Islamic Development Management with the cooperation of Student Mobility of Islamic Institution Faculty, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), held an expedition titled '*Kenali Brunei*' with the theme '*Jalinan Mahabbah, Mempererat Ukhuwah*'.

The expedition lasted for two days from 4-5 Jamadilakhir 1438H corresponding to 3-4 March 2017M and Temburong was chosen as the main destination. Twenty-nine Year 3 students from UNISSA and UKM joined the expedition, led by the Dean of FBA, Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.

UNISSA - UKM Held 'Kenali Brunei' Expedition

The expedition team was greeted by Haji Ahmad bin Mohd Hussein, Village Head of Kampong Belais. The programme, which aimed to strengthen the relationship between students from both universities, gave opportunity to the 13 students from UKM to learn more about Brunei Darussalam and participate in community out-reach programmes such as a cleaning campaign.

As part of the expedition, an Al-Fatihah workshop was held to help the community further improve their Surah Al-Fatihah recitation.

The expedition team also visited the Temburong Arabic School where participants conducted games in Arabic language. The event ended with the presentation of a certificate of appreciation by the Dean of FAL to the Assistant Principal of Temburong Arabic School, Ustazah Hashidah binti Haji Awang.



Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan serta para pensyarah dan mahasiswa UNISSA.

Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Majlis Perasmian Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2017 pada 6 Jamadilakhir 1438H bersamaan 5 Mac 2017M bertempat di Stadium Hassanal Bolkih, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan seterusnya merasmikan majlis berkenaan tanda bermulanya Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2017 yang berlangsung selama sebulan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah *Al-Fatihah* dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Awang Md Ikhwan Syahmi bin Suhaini, Exco Unit Sukan dan Lojistik, MPP.

Dalam acara tersebut, tetamu kehormat telah dibawa beramah mesra dengan ahli-ahli rumah sukan iaitu terdiri daripada Rumah *Al-'Abqoriyyun*, Rumah *Al-Mufakkirun*, Rumah *Al-Mujtahidun* dan Rumah *As-Syatirun* yang melibatkan para pegawai dan kakitangan serta para pensyarah dan mahasiswa/mahasiswi UNISSA.

Antara Objektif Sukan Tahunan tersebut adalah

sebagai platform untuk mengintensifkan kegiatan kurikulum di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, di samping dapat memupuk kemesraan dan *ukhwah* serta kerjasama dan semangat berpasukan di antara ahli-ahli rumah sukan. Begitu juga, dengan adanya Sukan Tahunan ini akan dapat melahirkan belia yang bijak dalam akademik dan aktif dalam kegiatan sukan.

Di antara aktiviti tersebut ialah pertandingan acara padang dan balapan melibatkan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan bahagian lelaki dan diselajurkan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang yang disempurnakan oleh Rektor UNISSA.

Manakala bagi mahasiswi, pensyarah dan kakitangan bahagian perempuan telah berlangsung dengan perlawanan permainan dalam (*indoor games*) di Dewan Stadium berkenaan.

Majlis ini juga dihadiri oleh Timbalan Rektor, Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad, Pegawai-Pegawai Utama UNISSA, Dekan-Dekan, Timbalan Dekan, Para Pensyarah, Kakitangan, Mahasiswa dan Mahasiswi UNISSA.



Perlawanan *indoor games* bagi pensyarah dan mahasiswi bahagian perempuan.

SIDANG EDITORIAL AL-NASHRAH

Penaung

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor UNISSA

Penasihat

Dr Haji Mohammed Hussain bin
Pehin Penyurat Haji Ahmad
Timbalan Rektor
UNISSA

Penolong Penasihat

Dr Arman bin Haji Asmad
Penolong Rektor
UNISSA

Pengarang

Dr Hajah Rose binti Abdullah
Pengaroh
Pusat Penyelidikan dan
Penerbitan, UNISSA

Penolong Pengarang

Dr Haji Abdurrahman Raden
Aji Haqqi
Timbalan Pengarah
Pusat Penyelidikan dan
Penerbitan, UNISSA

Setiausaha

Dayang Julia binti Radin
Penerbit Kanan
Pusat Penyelidikan dan
Penerbitan, UNISSA

Perekabentuk Grafik

Muhammad Norhadi bin
Awang Ahmad

Rekaletak Dalam

Siti Nur Zuhaidah binti Haji
Abdullah

